



KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

20 SEPTEMBER 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

20 SEPTEMBER 2023 (RABU)

Syor penguat kuasa KPDN bantu tangani isu beras

Tindakan bersama KPKM atasi masalah bekalan kian meruncing

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Gombak: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) mencadangkan kuasa penguatkuasaan dalam hal berkaitan beras, turut diperluas kepada penguat kuasa KPDN bagi membantu usaha menangani isu bekalan yang semakin meruncing ketika ini.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata perkara berkaitan *extension of authority* (perluasan penguatkuasaan) itu akan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sarawak (NACCOL) yang dipengerusikan beliau hari ini.

"Kita berharap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dapat mempertimbangkan supaya penguat kuasa KPDN diberikan *extension of authority* mengikut Sub Seksyen 6(1) Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522).

"Antara isu yang akan dibawa dan bentangkan dalam mesyuarat di peringkat jawatankuasa eksekutif esok ialah pertimbangan hasrat kita di KPDN supaya dapat diberikan *extension of authority*.



Armizan (dua dari kanan) meninjau barang keperluan asas di Pasar Raya Sri Ternak di Selangor, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

"Ini bukan *delegation* (perwakilan), tetapi *extension of authority*. Ia boleh dipertimbangkan secara terhad bagi tempoh masa tertentu untuk aspek penguatkuasaan itu ditingkatkan demi kepentingan bersama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan Program Pemantauan Harga Barang Keperluan Asas di Pasar Raya Sri Ternak dan Pasar Raya NSK Selangor di sini semalam.

Armizan berkata, ketika ini KPKM mempunyai seramai 190 penguat kuasa, manakala KPDN mempunyai 2,200 penguat kuasa.

"Aspek penguatkuasaan isu beras perlu dilakukan terhadap se-

mua premis di seluruh negara dan sekiranya Ops Jamin melakukan pemantauan, kita perlu bergerak bersama pegawai KPKM, tetapi jumlah penguat kuasa mereka agak terhad.

"KPDN melihat (mengguna kuasa mengikut) Akta Perihal Daganan, melihat pembungkusan barang, tetapi tidak boleh campur tangan aspek penentuan harga dan bekalan," katanya.

Demi kepentingan rakyat

Katanya, KPDN sedia membantu dan memberi kerjasama rapat kepada KPKM demi kepentingan masyarakat.

"Perluasan kuasa memboleh-

kan kita (penguat kuasa KPDN) bukan sekadar melihat memantau dan menyurunkan maklumat, tetapi boleh terus mengambil tindakan penguatkuasaan.

"(Ketika ini) Kita boleh menyuruh maklumat dan tidak boleh ambil tindakan serta-merta, tetapi jika rancangan penyaluran maklumat serta tindakan mengambil masa, mungkin pihak berkenaan boleh menutup kesalahan itu," katanya.

Beliau berkata, sekiranya KPKM berasa sesuai dan dapat dipertimbangkan, maka kedua-dua pihak dapat memperkasakan penguatkuasaan bekalan beras di seluruh negara.

Jualan Rahmah tawar beras import semurah RM13 sekampit 5kg

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Jualan Rahmah Beras yang bermula semalam, menawarkan beras import pada harga lebih murah berbanding kadar pasaran dengan sasaran agihan kepada golongan yang memerlukan.

Timbalan Menteri Perdagangan

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh, berkata berikutnya bekalan beras putih tempatan (BPT) yang terganggu ketika ini, KPDN memutuskan subsidi diberi ke atas beras import, dengan harga jualannya pada sekitar RM13 hingga RM14 bagi setiap kampit lima kilogram.

Nasional 7



Jualan Rahmah ke 222 kawasan Parlimen

Dari Muka 1

"Diskaun subsidi ini, kita akan pastikan ia tidak lebih daripada yang kita mampu berikan. Contohnya, dalam Jualan Rahmah bergerak, beras tempatan lima kilogram dijual pada RM13 hingga RM14, jadi kita akan sedaya upaya untuk jual (beras import) pada harga sekitar itu.

"Maknanya, kalau RM13 itu untuk harga beras tempatan, tapi yang Jualan Rahmah Beras ini kita jual beras import," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar *Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward* di sini semalam.

Fuziah berkata, pihaknya menyasarkan pelaksanaan jualan itu diperluas kepada 222 kawasan

Parlimen, disamping menggalakkan Ahli Parlimen dan pemimpin setempat mengambil bahagian mengurus dan merancang program seumpama itu untuk pengundi kawasan masing-masing.

"Maksudnya, kita hasratkan di setiap kawasan Parlimen akan ada program jualan ini. Sebelum ini, ada Ahli Parlimen datang jumpa saya, menyatakan mahu menggunakan peruntukan mereka untuk menambah kepada subsidi yang ditawarkan dalam bentuk beras kepada pengundi di kawasan mereka," katanya.

Katanya, KPDN menggunakan peruntukan Jualan Rahmah RM150 juta yang disediakan kerajaan sebelum ini, bagi menjayakan inisiatif yang bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Mula-mula kita ada RM100 ju-

ta, tapi Perdana Menteri tambah lagi RM50 juta. Disebabkan tak ada akses kepada beras tempatan, jadi kita akan beri diskon harga kepada beras import. Kita akan bagi diskon iaitu subsidi dari kerajaan yang diperoleh dari peruntukan tadi," katanya.

Fokus lokasi B40, PPR

Beliau berkata, Jualan Rahmah Beras itu turut menyasar penempatan B40, kawasan rumah kos rendah, khususnya di Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Ini antara mekanisme untuk kita sampai kepada golongan yang amat terkesan dan memerlukan. Satu lagi golongan adalah peniaga, tapi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sudah maklum akan ambil tanggungjawab untuk beri dan menyalurkan sebahagian (stok)

beras untuk kategori peniaga.

"Jadi kami akan fokus kepada kategori pengguna. Khususnya kategori pengguna yang paling terkesan. Itu akan dibincang dengan lebih terperinci kaedah terbaiknya. Program (jualan) pertama akan kami uar-uarkan juga nanti," katanya.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, menggaskan kekurangan beras putih tempatan dalam pasaran ketika ini adalah disebabkan berlakunya pembelian panik.

Beliau berkata, sebelum ini beras tempatan tidak dipedulikan, termasuk dalam kalangan peniaga sendiri, namun permintaannya bertambah berikutan harga beras import yang meningkat, memaksa pengguna beralih kepada beras tempatan.

Penguat kuasa KPDN perlu perluasan kuasa

Selayang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhasrat mendapatkan perluasan kuasa dalam penguatkuasaan isu bekalan beras yang menjadi dilema rakyat terutama golongan B40 ketika ini.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, perkara itu akan dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol) yang dipengerusikan beliau semalam.

Menurutnya, beliau berharap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dapat menimbangkan supaya penguat kuasa KPDN diberikan perluasan kuasa atau *extension of authority* mengikut Sub Seksyen 6(1) Akta 522.

"(Dalam mesyuarat di peringkat jawatankuasa eksekutif) esok (hari ini) antara isu yang akan dibawa dan bentangkan ialah pertimbangan hasrat kita di KPDN supaya dapat diberikan *extension of authority*.

"Ini bukan *delegation* (perwakilan), tetapi *extension of authority*. Ia boleh dipertimbangkan secara terhad bagi tempoh masa



ARMIZAN

tertentu untuk aspek penguatkuasaan itu ditingkatkan demi kepentingan bersama," katanya pada sidang media selepas melakukan pemantauan harga barang keperluan asas di dua premis sekitar Selayang di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, berdasarkan maklumat, KPKM mempunyai 190 penguat kuasa, manakala KPDN mempunyai 2,200 penguat kuasa.

"Aspek penguatkuasaan dalam isu beras perlu dilakukan di semua premis (seluruh negara) dan sekiranya Op Jamin melakukan pemantauan kita perlu bergerak bersama pegawai KPKM (tetapi) jumlah (penguat kuasa) mereka terhad," katanya.

KPDN akan bantu dan perkasakan pemantauan terhadap isu beras

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
GOMBAK

Gangguan bekalan beras tempatan didapati berlaku di dua lokasi pemantauan iaitu Pasar Raya Sri Ternak dan Pasar Raya NSK Selangor, kata pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali.

Menurutnya, kedua-dua pemilik premis mengakui masalah tersebut bermula sejak Ogos lalu dan bertambah serius pada September.

"Saya difahamkan, barang keperluan asas lain seperti gula, minyak masak dan tepung gandum mempunyai bekalan yang mencukupi untuk orang ramai.

"Selain beras, hanya telur gred A yang dilihat menghadapi gangguan bekalan dan yang lain masih mencukupi serta terkawal."

"Saya akui, hasil pemantauan ini mendapati berlaku sedikit gangguan bekalan. Justeru, KPDN perlu membantu dan memperkasakan penguatkuasaan demi kepentingan masyarakat," katanya semasa sidang akhbar selepas melakukan pemantauan harga barang keperluan asas di Selangor, di sini pada Selasa.

Jelas Armizan, kenaikan harga beras putih import meningkat 36 peratus iaitu sebanyak RM850 satu tan metrik atau

Berlaku gangguan bekalan beras tempatan

85 sen sekilogram di seluruh negara susulan penyalasan harga yang dibuat oleh Padiberas Nasional Bhd (Bernas), menyebabkan pengguna kini lebih cenderung membeli beras putih tempatan yang dijual pada harga kawalan iaitu sekitar RM2.60 sekilogram atau RM26 sekampit.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan melancarkan Jualan Rahmah Beras pada Selasa bertujuan untuk meringankan beban rakyat yang tidak berkemampuan dan terkesan dengan kenaikan harga beras di pasaran ketika ini.

Ujarnya, antara kekangan yang dihadapi adalah pemantauan terhad kepada rantai bekalan peringkat runcit dan bukan pada peringkat pengilang serta pemborong.

"Disebabkan itu, seruan untuk melakukan penguatkuasaan ini giat dilakukan. Kami akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) yang mempunyai punca kuasa dan agensi seperti bahagian kawal selia beras dan padi.

"Esok (Rabu) saya akan mempergerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan pada lusa (Khamis) Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pula



Armizan (depan, tengah) membuat pemantauan harga barang keperluan asas di dua pasar raya di Selangor pada Selasa.

akan mengetuainya di peringkat jawa-tankuusa pemantauan.

"Antara isu yang akan dibawa adalah mengenai hasrat KPDN untuk meneliti kesesuaian dan keperluan bersama dengan KPBM agar dapat memberikan punca kuasa di bawah sub-seksyen Akta Kawal Selia Padi Beras," jelasnya.

HARI : RABU
TARIKH : 20/9/2023
M/SURAT : 1



STAPLE CHECKS ... Acting Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali, who is also minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Duties) checking on supply and prices of rice during Ops Jamin at a hypermarket in Selayang, Selangor yesterday. — BERNAMAPIC

Harga beras 5kg serendah RM13 menerusi Jualan Rahmah

KUALA LUMPUR – Dalam usaha meringankan beban orang ramai, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menawarkan beras import pada harga lebih murah menerusi Program Jualan Rahmah Beras bermula semalam.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, inisiatif itu dilaksanakan akibat isu kekurangan beras tempatan ketika ini.

KPDN memutuskan untuk memberi subsidi ke atas beras import pada harga RM13 hingga RM14 bagi kampit 5 kilogram (kg).

"Contohnya, bagi Jualan Rahmah Bergerak, beras tempatan 5kg dijual pada harga RM13 hingga RM14, jadi kita sedaya upaya akan jual pada harga itu.

"Kalau RM13 itu beras tempatan, menerusi Jualan Rahmah Beras, harga itu adalah bagi beras import," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward di sini semalam.

Jelasnya, pelaksanaan jualan beras import itu akan diperlu-



ORANG ramai boleh mendapatkan harga beras import pada harga lebih rendah menerusi Jualan Rahmah Beras bermula semalam.

askan ke 222 kawasan Parlimen. Beliau turut menggalakkan Ahli Parlimen dan pemimpin setempat untuk mengambil bahagian merancang program sama di kawasan masing-masing.

KPDN memperuntukkan sebanyak RM150 juta untuk Jualan Rahmah bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Mula-mula kita ada RM100

juta, tapi Perdana Menteri tambah lagi RM50 juta. Disebabkan kita tiada akses kepada beras tempatan, jadi kami akan beri diskaun untuk harga beras import," ujarnya.

Jualan Rahmah Beras menyasarkan kawasan penempatan B40, perumahan kos rendah khususnya di Projek Perumahan Rakyat.

28



Jualan Rahmah

beras import harga beras lokal RM13

PROGRAM Jualan Rahmah Beras yang bermula pada Selasa menawarkan beras import pada harga lebih murah iaitu hampir menyamai harga beras tempatan sekitar RM13 hingga RM14 bagi setiap kampit lima kilogram.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, KPDN memutuskan subsidi diberi ke atas beras import menggunakan peruntukan RM150 juta bertujuan membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

12



Jual beras import pada harga murah

KPDN lancar Jualan Rahmah Beras secara bergerak

Oleh IZWAN ROZLIN
 KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tampil dengan idea untuk menjual beras import pada harga yang sama seperti beras tempatan.



Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, harga beras sekampit dengan berat lima kilogram adalah sekitar RM13 hingga RM14.

"Jadi pihak kami akan cuba untuk jual dengan harga seperti itu juga. Kalau RM13, sama macam harga beras tempatan, tetapi kita jual beras import untuk Jualan Rahmah Beras ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan seminar *Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward*

di sini pada Selasa.

Fuziah menjelaskan, Jualan Rahmah Beras itu akan diadakan secara bergerak di kawasan Parlimen seluruh negara.

Ujar beliau lagi, KPDN juga akan memastikan hanya pengguna yang sehayaknya akan dapat membeli beras berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, melalui Jualan Rahmah Bergerak, ia disasarkan ke kawasan B40, perumahan kos



FUZIAH

rendah, di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan sebagainya.

"Mekanismi itu bergerak ke kawasan penempatan disasarkan, mungkin ini satu cara untuk pihak KPDN sampai kepada golongan yang memerlukan sebab golongan yang amat terkesan adalah golongan yang saya sebutkan ini."


"Namun untuk golongan peniaga, pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan (KPKM) mengatakan mereka akan mengambil tanggungjawab itu," jelasnya.

Ujarnya, KPDN menggunakan peruntukan Jualan Rahmah sebanyak RM150 juta yang diberikan kerajaan sebelum ini bagi menjayakan inisiatif tersebut yang bertujuan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Disebabkan pihak kami tidak mempunyai akses kepada beras tempatan, jadi diskain harga hanya diberi untuk beras import."

"Diskaun itu adalah subsidi dari pihak kerajaan melalui peruntukan tersebut," ujar beliau.



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Jualan Rahmah Beras akan menawarkan beras import pada harga antara RM13 hingga RM14 setiap kampit lima kilogram (kg).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Fuziah Salih berkata, Jualan Rahmah Beras akan menggunakan beras import susulan kekurangan beras tempatan ketika ini.

"Dalam Jualan Rahmah bergerak, kita tawarkan harga sekampit beras lima kilogram (kg) antara RM13 hingga RM14, jadi KPDN akan cuba sedaya upaya menawarkan harga sama dalam Jualan Rahmah Beras.

"Kita akan cuba sedaya upaya untuk menjual dengan harga seperti itu juga. (Maknanya) kalau RM13 untuk harga beras tempatan, tetapi untuk Jualan Beras Rahmah kita jual beras import," katanya selepas merasmikan seminar *Today's Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward*, di sini, semalam.

Mengenai golongan sasaran untuk Jualan Rahmah Beras, Fuziah berkata, KPDN mahu memastikan hanya mereka layak dapat membeli beras berkenaan.

Sebagai contoh, katanya, melalui Jualan Rahmah Bergerak, sasarannya ada-

JUALAN RAHMAH BERAS

Beras import RM13 hingga RM14 setiap kampit 5kg

lah kawasan B40, perumahan kos rendah, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan sebagainya.

"Mekanisme itu (bergerak ke kawasan penempatan disasarkan) mungkin satu cara untuk kita sampai kepada golongan yang memerlukan dan terkesan.

"Namun untuk golongan peniaga pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengatakan mereka akan ambil tanggungjawab.

"Kita akan lihat mekanismar terbaik untuk memastikan seluas mungkin capaian kepada golongan yang memerlukan.

"Sebaik-baiknya pengagihan dilaksanakan kelak mengikut kawasan Parlimen. Maksudnya setiap parlimen ada program itu," katanya.

Beliau berkata, ada juga dalam kalangan Ahli Parlimen menemuiyang yang memaklumkan ingin menggunakan peruntukan mereka bagi menambah subsidi yang ditawarkan dalam bentuk beras kepada pengundi di kawasan mereka.

Berhubung rungutan orang ramai mengenai ketiadaan beras tempatan di

pasaran termasuk tinjauan Harian Metro di Chow Kit, Fuziah berkata, pemantauan penguat kuasa KPDN juga mendapat beras tempatan juga sukar diperoleh di kedai runcit, pasar raya dan pasar raya hiper.

"Tetapi di dalam isu beriras, bidang kuasa itu tidak ada pada kita, maksudnya punca kuasa itu tidak ada.

"Ia (kuasa) Bahagian Kawalselia Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Jadi itu yang saya beritahu, bukan kita tidak ingin atau mengelak (ber-tanggungjawab ketiadaan beras tempatan)," katanya. Menurutnya, apa yang

pihaknya boleh lakukan adalah memanggil rakan penguat kuasa Kawal Selia Padi dan Beras untuk sama-sama selesaikan masalah berkenaan.



PEMANTAUAN penguat kuasa KPDN mendapat beras tempatan sukar diperoleh di kedai runcit, pasar raya dan pasar raya hiper. - Gambar NSTP/AHMAD UKASYAH

ADDRESSING COST OF LIVING

RAHMAH DISCOUNTS FOR IMPORTED RICE

5kg pack to be sold for RM13 to RM14 in move to help B40 group, says deputy minister

MOHD NASARUDDIN PARZI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government has kicked off the Rahmah Rice Sales initiative by offering imported rice at lower than market prices to deserving groups.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the ministry was providing subsidies for imported rice, which will go on sale for RM13 to RM14 per 5kg pack.

"During the Rahmah Sales initiative, local rice was sold at be-

tween RM13 and RM14 per 5kg pack. Hence, we are offering imported rice at around the same price," she said when officiating at the "Malaysia E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward" seminar here yesterday.

She said the government was expanding the initiative to all 222 parliamentary constituencies.

She urged members of parliament and community leaders to implement such programmes in their respective areas.

"We hope every parliamentary constituency will implement this programme.

"Some MPs came to see me and said they wanted to use their allocations to add to the subsidy offered in the form of rice to vot-

ers in their constituencies."

She said the ministry allocated RM150 million for the Rahmah Sales initiative to help reduce the cost of living.

"The initial allocation was RM100 million, but the prime minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim) added another RM50 million.

"We will give a discount, which is a subsidy from the government obtained from the earlier allocation."

She said the initiative would focus on the B40 group and low-cost housing areas, especially People's Housing Projects. The ministry, she said, would focus on affected consumers, and the Agriculture and Food Security Ministry would liaise with traders.



Fuziah Salleh

10,377 aduan transaksi dalam talian

KPDN kaji semula perundangan e-dagang untuk kebijakan pemain industri, pengguna

Oleh IZWAN ROZLIN
 KUALA LUMPUR

Sebanyak 10,377 aduan pengguna melibatkan transaksi secara dalam talian melibatkan pelbagai kesalahan dilaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, jumlah aduan yang diterima itu merupakan 35 peratus daripada keseluruhan aduan diterima pihaknya sehingga 31 Ogos lalu.

Menurutnya, aduan pengguna paling tinggi adalah daripada platform e-dagang Shopee, diikuti media sosial seperti Facebook dan Instagram.

"Seiring dengan perkembangan sektor e-dagang, terdapat beberapa cabaran dihadapi pengguna pada masa ini, antaranya barang dibeli dalam talian tidak sampai atau tidak memenuhi kehendak pelanggan dan standard keselamatan produk yang

tidak mengikut piawaian ditetapkan.

"Apa yang berlaku sekarang ini, penyedia perkhidmatan e-dagang tidak akan bertanggungjawab. Jadi, kalau isi berkaitan barang-barang dijual tidak memepati seperti diilangkan, bagaimana kita ingin memastikan pengguna mendapat hak mereka, seterusnya menebus ganti rugi dan sebagainya," katanya.

Fuziah berkata demikian kepada pemberita semasa sidang akbar selepas merasmikan Seminar Today's Malaysian E-Commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward di sini pada Selasa.

Menurut Fuziah, bagi mengatasi isu tersebut, KPDN sedang mengkaji semula perundangan e-dagang sedia ada dan mencadangkan mekanisme kawal selia yang bersesuaian bagi memastikan kebijakan pemain industri serta pengguna terjamin.

Jelas beliau, ini kerana Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 adalah di bawah seliaan KPDN.

"Sebelum kita nak gubal undang-undang atau akta, ia melibatkan proses yang lama iaitu dua tahun. Jadi, kita perlu berbincang bersama penyedia perkhidmatan."

"Justeru, sidang yang diadakan pada hari ini (Selasa) penting untuk industri menggembangkan idea dan tenaga, macam mana kita laksanakan dahulu," katanya.



Fuziah bercakap kepada pemberita semasa sidang akbar selepas merasmikan Seminar Today's Malaysia E-commerce and Consumer Protection Regulatory Framework: The Way Forward di Kuala Lumpur pada Selasa.

Sementara itu, mengulas lanjut mengenai penjualan barangan asas seperti beras, gula dan minyak peket secara dalam talian di platform e-dagang, Fuziah mengesahkan pihaknya telah menerima aduan berkenaan perkara tersebut pada Isnin.

"Saya telah mengarahkan penguasa untuk menyiasat perkara itu. Setakat ini undang-undang untuk mengawal selia barangan di platform e-dagang memang tiada.

"Malah, tiada undang-undang yang melarang atau memaksa dan menuntut penjual di platform tersebut untuk memastikan barangan yang mereka tawarkan itu wujud," katanya.

Menurut Fuziah, penyedia perkhidmatan juga tidak boleh mengambil tindakan kepada penjual jika berlaku sebarang masalah.

Terima 10,377 aduan kesalahan transaksi secara dalam talian

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menerima 10,377 aduan berkaitan transaksi secara dalam talian membabitkan pelbagai kesalahan bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, jumlah aduan yang diterima itu 35 peratus daripada keseluruhan aduan yang diterima KPDN dalam tempoh sama.

Menurutnya, aduan paling banyak adalah platform e-dagang diikuti platform media sosial seperti Facebook dan Instagram.

"Seiring dengan perkembangan sektor e-dagang, terdapat beberapa

"Sebelum kita nak gubal undang-undang atau akta, kita perlu bincang bersama penyedia perkhidmatan"

cabaran dihadapi pengguna pada masa ini antaranya barang dibeli atas talian tidak sampai atau tidak menuhi kehendak pelanggan dan standard keselamatan produk tidak mengikut piawaian ditetapkan.

"Apa yang berlaku sekarang ini penyedia perkhidmatan e-dagang tidak akan bertanggungjawab, jadi kalau isi berkaitan barang yang dijual tidak menepati seperti diiklankan, bagaimana kita nak pastikan pengguna dapat hak mereka dan tebus ganti rugi dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan semi-

nar Rangka Kerja Kawal Selia E-Dagang dan Perlindungan Pengguna Malaysia: Langkah Ke Hadapan, di sini, semalam.

Menurutnya, untuk menanggasi isu itu, KPDN sedang mengkaji semula perundangan e-dagang sedia ada termasuk mencadangkan mekanisma kawal selia yang bersesuaian bagi memastikan kebijakan pemain industri dan pengguna terjamin.

"Sebelum kita nak gubal undang-undang atau akta, kita perlu bincang bersama penyedia perkhidmatan seperti seminar hari ini," katanya.

KPDN terima 10,377 aduan transaksi dalam talian

Ramai kena tipu beli barang online

Oleh NUR FATIN ZAHRA

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menerima hampir 10,377 aduan melibatkan transaksi dalam talian sehingga Ogos, tahun ini.

Menurut Timbalan Menteri KPDN Fuziah Salleh, aduan melibatkan transaksi dalam talian merangkumi 35 peratus daripada jumlah keseluruhan aduan yang diterima oleh KPDN.

Tambah Fuziah, KPDN kini sedang mengawal selia Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 bagi mencadangkan mekanisme kawal selia bersesuaian untuk memastikan kebijakan pemain industri dan pengguna terjamin.

"Regulasi yang bakal dilakukan bukan meliputi undang-undang semata-mata. Disebabkan perkembangan sektor e-dagang yang sangat pesat, kita perlu lihat bagaimana untuk tambah baik atau mungkin datang dengan (mekanisme) baharu."

"Sebagai contoh, penipuan yang berlaku dalam talian. Kami perlu kaji apakah mekanisme atau rangka kerja terbaik untuk kawal masalah ini," katanya ketika ditemui di sidang akhbar Seminar Today Malaysia e-Commerce di Kuala Lumpur Sentral di sini semalam.

Tambah Fuziah, selaras dengan perkembangan sektor e-



RAMAI terpedaya dengan pembelian dalam talian melibatkan transaksi sehingga Ogos tahun ini. – GAMBAR HIASAN

dagang, terdapat pelbagai lagi cabaran lain yang dihadapi oleh pengguna pada masa kini.

"Antara aduan yang diterima adalah berkennaan barang yang dibeli dalam talian tidak sampai atau tidak memenuhi kehendak pelanggan."

"Kadangkala, standard keselamatan produk yang dibeli juga tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan."

"Ada juga peniaga dalam talian yang menggunakan teknik tidak beretika seperti dark pattern mempengaruhi dan mengelirukan pengguna," katanya.

Oleh itu, Fuziah mengingatkan

pengguna agar sentiasa berhati-hati ketika membeli melalui platform e-dagang kerana tahap kesedaran rakyat Malaysia mengenai isu ini masih lagi berada dalam tahap sederhana.

"Kadangkala, pengguna tidak tahu mereka mempunyai kuasa dan hak dari segi undang-undang sekiranya terpaksa membeli dengan harga yang berbeza dengan apa yang ditawarkan di platform e-dagang."

"Sekiranya pengguna tahu mengenai hak mereka, sukar untuk peniaga di platform e-dagang ini mengambil kesempatan ke atas mereka," katanya.

Pembelian panik punca kurang telur, gula dan beras



CHON SIANG (kanan) bersama pegawai KPDN ketika melakukan tinjauan barang keperluan asas di sebuah pasar raya di Kuantan semalam.

KUANTAN - Pembelian panik peniaga kedai makan atau restoran menjadi punca utama kepada kekurangan bekalan barang asas seperti telur, gula, minyak masak dan beras di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia Pahang, Sim Chon Siang berkata, punca terbabit dikenali-pasti berdasarkan laporan yang diterimanya dari pihak pasaraya seluruh negeri ini yang membelakangkan barang terbabit.

Katanya, peniaga membuat pembelian panik berikutnya kebimbangan mereka sekiranya kesemua barang asas terbabit terputus bekalan.

"Hari ini kita ada membuat tinjauan di 11 pasar raya di

Kuantan dan kita dapat semua aduan pengguna berkaitan barang seperti gula yang berharga RM2.80, telur dalam sarang, minyak masak peket dan beras tempatan memang berkurangan dan kita akur.

"Ada beberapa sebab berdasarkan apa yang diberitahu pihak pasar raya kepada saya dan sebab pertamanya adalah kerana peniaga berebut-rebut membeli barang tersebut.

"Sebaik sahaja stok mereka berkurangan, mereka membuat pembelian panik dan membeli secara banyak untuk disimpan di rumah mereka," katanya dalam sidang akbar ketika melakukan tinjauan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) di

Pasaraya TMG Batu 3, di sini.

Tambahnya, kekurangan bekalan juga disebabkan peniaga makanan membeli barang yang sepatutnya dikhurasukan untuk golongan B40 seperti minyak masak peket.

Sementara itu Chon Siang berkata, beliau akan membawa isu kekurangan bekalan barang terbabit ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri.

"Oleh itu, rakyat khususnya peniaga dinasihatkan agar tidak panik dan membuat pembelian mengikut keperluan bagi memastikan bekalan mencukupi.

"Jika berdepan masalah bekalan, boleh menghubungi pejabat KPDN Pahang untuk memastikan tidak berlaku terputus bekalan di kawasan mereka," ujarnya.



BERITA ONLINE (KPDN)

20 SEPTEMBER 2023 (RABU)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 SEPTEMBER 2023 | | | |
|---|---|---|-------------|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 20-Sep | KPDN tawar beras import dengan harga RM13 hingga RM14 | https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/kpdn-tawar-beras-import-dengan-harga-rm13-hingga-rm14/ | KOSMO |
| 20-Sep | Program Jualan Rahmah Beras: Harga beras import dijual sama harga beras tempatan - Fuziah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1154553/program-jualan-rahmah-beras-harga-beras-import-dijual-sama-harga | BH |
| 20-Sep | Jualan Rahmah Beras tawar beras import RM14 sekampit | https://www.sinarharian.com.my/article/279773/berita/nasional/jualan-rahmah-beras-tawar-harga-beras-import-rm14-sekampit | SH |
| 20-Sep | Isu beras tempatan kurang, ini patut kerajaan lakukan | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1154452/isu-beras-tempatan-kurang-ini-patut-kerajaan-lakukan | BH |
| 20-Sep | KPDN terima 10,377 aduan berkaitan transaksi dalam talian | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1011247/kpdn-terima-10377-aduan-berkaitan-transaksi-dalam-talian | HM |
| 20-Sep | KPDN terima 10,377 aduan melibatkan transaksi dalam talian | https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/kpdn-terima-10377-aduan-melibatkan-transaksi-dalam-talian/ | KOSMO |
| 20-Sep | KPDN terima 10,377 aduan libat transaksi dalam talian | https://www.sinarharian.com.my/article/279766/berita/nasional/kpdn-terima-10377-aduan-libat-transaksi-dalam-talian | SH |
| 20-Sep | KPDN kaji semula perundangan babit peniaga 'online', pastikan kebijakan terjamin | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kaji-semula-perundangan-babit-peniaga-online-pastikan-kebijakan-terjamin-438044%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 20-Sep | KPDN kaji semula perundangan babit peniaga 'online', pastikan kebijakan terjamin | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-kaji-semula-perundangan-e-dagang-pastikan-kebijakan-terjamin-EF11509591 | THESUNDAILY |
| 20-Sep | KPDN reviewing laws on E-commerce to | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2226924 | BERNAMA |

| | | | |
|--------|---|---|------------------|
| | | | |
| 20-Sep | KPDN perlukan Menteri | https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/279716 | SH |
| 20-Sep | KPDN bawa Isu beras dalam mesyuarat NACCOL esok- Armizan | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/279844 | SH |
| 20-Sep | Rice - related issues to be brought | https://www.thesundaily.my/local/rice-related-issues-to-be-brought-to-naccol-meeting-tomorrow-armizan-HE11511170 | THESUNDAILY |
| 20-Sep | Jualan Rahmah: KPDN teroka usaha tawar beras import kadar subsidi | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-kpdn-teroka-usaha-tawar-beras-import-kadar-subsidi-438116%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 20-Sep | Rahmah sale: KPDN to offer imported rice at subsidised rates | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2227025 | BERNAMA |
| 20-Sep | Domestic trade ministry to offer imported rice at subsidised rates via Rahmah Sale | https://theedgemalaysia.com/node/683118 | THEEDGE MALAYSIA |
| 20-Sep | KPDN mohon lanjutan kuasa pantau isu beras - Armizan | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-mohn-tambahan-kuasa-pantau-isu-beras-armizan-438054%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 20-Sep | Jualan Rahmah: KPDN teroka usaha tawar beras import kadar subsidi | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/279874 | SH |
| 20-Sep | OP Jamin: 172 aduan isu beras diterima KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1154689/op-jamin-172-aduan-isu-beras-diterima-kpdn | BH |
| 20-Sep | KPDN reviewing laws on E-commerce to protect welfare of industry players, consumers | https://www.thesundaily.my/local/kpdn-reviewing-laws-on-e-commerce-to-protect-welfare-of-industry-players-consumers-DE11510056 | THESUNDAILY |
| 20-Sep | Orang ramai tak lepas peluang beli beras murah | https://www.kosmo.com.my/2023/09/19/orang-ramai-tak-lepas-peluang-beli-beras-murah/ | KOSMO |

| | | | |
|--------|---|---|---------------------|
| 20-Sep | Rahmah Rice Sales programme brings relief to consumers | https://themalaysianreserve.com/2023/09/19/rahmah-rice-sales-programme-brings-relief-to-consumers/ | THEMALAYSIANRESERVE |
| 20-Sep | Jualan Rahmah Beras akan dibuat di setiap Parlimen – Fuziah | https://malaysiagazette.com/2023/09/19/jualan-rahmah-beras-akan-dibuat-di-setiap-parlimen-fuziah/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 20-Sep | Under new Rahmah initiative, 5kg rice to be sold at RM14 | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/09/19/under-new-rahmah-initiative-5kg-rice-to-be-sold-at-rm14/ | FMT |
| 20-Sep | Rahmah rice Sales to be implemented in all Parliamentary constituencies | https://www.thesundaily.my/local/rahmah-rice-sales-to-be-implemented-in-all-parliamentary-constituencies-fuziah-JE11510548 | THESUNDAILY |
| 20-Sep | Beras Rahmah sales offering imported rice at cheaper prices | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/957255/beras-rahmah-sales-offering-imported-rice-cheaper-prices | NST |
| 20-Sep | Kenaikan harga bahan makanan, 8,000 peniaga makanan di Johor bakal gulung tikar | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1154835/kenaikan-harga-bahan-makanan-8000-peniaga-makanan-di-johor-bakal | BH |
| 20-Sep | KPDN lancar Jualan Rahmah Beras - Fuziah Salleh | https://youtu.be/peGZOf5bbEY?si=2OWPZ2YRV6iRYohR | PINS TV |
| 20-Sep | Dua lelaki ditahan seleweng diesel | https://www.sinarharian.com.my/article/279885/edisi/utara/dua-lelaki-ditahan-seleweng-diesel | SH |
| 20-Sep | KPDN Perak rampas 13,000 liter diesel bersubsidi | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2227041 | BERNAMA |